

**BERITA ONLINE**  
**THE MALAYSIAN INSIGHT**  
**TARIKH: 6 OKTOBER 2022 (KHAMIS)**



## Pelan induk baharu Taman MRANTI bantu negara hadapi IR4.0, kata PM

Dikemas kini 21 jam yang lalu · Diterbitkan pada 6 Oct 2022 1:03PM · 0 Komen



*Perdana Menteri Ismail Sabri Yaakob ketika berucap pada Majlis Pelancaran Pelan Induk Taman MRANTI di Mranti Park, Bukit Jalil di Kuala Lumpur hari ini. – Gambar The Malaysian Insight oleh Kamal Ariffin, 6 Oktober, 2022.*

PELAN Induk baharu Taman MRANTI akan memupuk keupayaan Malaysia dalam mendepani Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), kata Perdana Menteri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata pelan induk itu juga memberi fokus kepada teknologi terkini daripada sistem Internet benda (IoT), perkhidmatan Protokol Internet (IP) dan makmal kepada kemudahan pembuatan kontrak dengan teknologi canggih.